



24
19 Sept 2003

PELAJAR cemerlang Kuim (dari kiri) Hasyimah, Ruhayu, Suriyati, Bashiroh, Nur Aida, Zununi, Halilah dan Syarifah Nurul menunjukkan anugerah yang diterima pada majlis konvokesyen Kuim di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar oleh Syamsi Suhaimi

8 graduan Kuim terima anugerah

LAPAN graduan cemerlang Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) menerima anugerah khas daripada Canselor Tuanku Najihah Tuanku Besar Burhanuddin pada majlis konvokesyen institusi pendidikan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Graduan terbaik Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman, Halilah Abdullah menerima Anugerah Pelajaran Diraja dengan warkah penghargaan, Pingat Jaya Cemerlang dan wang tunai RM2,500.

Selain anugerah yang ditaja Lembaga Kumpulan Biasiswa Raja-raja, Halilah juga menerima Hadiah Buku Fakulti tajaan KFC Holdings.

Graduan Sarjana Muda Kepemimpinan dan Pengurusan, Nur Aida Ab Rahman, pula menerima Anugerah Canselor dengan warkah penghargaan, pingat dan wang tunai RM1,000.

Ini diikuti graduan Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, Suriyati Yusof yang mendapat Pingat Emas Rektor juga dengan warkah penghargaan, pingat dan wang tunai RM750.

Empat graduan yang mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif melebihi 3.50 setiap semester, iaitu Suriyati, Hasyimah Hanafi, Bashiroh Abdullah dan Syarifah Nurul Bahiyah

Syed Maamor menerima Hadiah Buku Universiti, iaitu sijil dan buku akademik.

Hasyimah dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah menerima Hadiah Buku Fakulti yang ditaja Konsortium Negri Builders Berhad, manakala graduan terbaik Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, Ruhayu Asraae mendapat hadiah sama tajaan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Graduan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Zununi Azhar Said, menerima Hadiah Kokurikulum tajaan Angsa Delima Sdn Bhd.